

**LAPORAN AKHIR  
SKIM GERAN PENYELIDIKAN EKSPLORATORI (ERGS)  
00007-SS-1/2011**

**MENEROKA KONSEP KEPERCAYAAN DALAM MASYARAKAT  
MALAYSIA**

**CHUA BEE SEOK  
JASMINE ADELA MUTANG  
LAILAWATI MADLAN  
FERLIS BAHARI  
ALFRED CHAN HUAN ZHI  
SABARIAH SHARIF  
ROSNAH ISMAIL**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
KOTA KINABALU**

**2013**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# MENEROKA KONSEP KEPERCAYAAN DALAM MASYARAKAT MALAYSIA

Chua Bee Seok<sup>1</sup>, Jasmine Adela Mutang<sup>1</sup>, Lailawati Madlan<sup>1</sup>,  
Sabariah Sharif<sup>1</sup>, Ferlis Bahari<sup>1</sup>, Alfred Chan Huan Zhi<sup>1</sup>, Rosnah Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Perlis

## ABSTRAK

Konsep 1 Malaysia membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat. Dengan ini, ia mampu mewujudkan suasana negara yang lebih aman, maju, selamat dan makmur. Perkara asas yang perlu diwujudkan dalam semangat perpaduan adalah sikap kepercayaan antara kaum, perasaan hormat menghormati dan keikhlasan (Mohd Najib Tun Razak, 2010). Namun, merentasi bidang budaya, kajian dan akademik, istilah *kepercayaan* mempunyai perbezaan besar dari segi konsepnya mahupun sempadan kategorikal dan konsep lain yang berkaitan. Perbezaan ini mencadangkan satu kajian eksploratori berkenaan bagaimana kaum daripada pelbagai budaya Negara kita memahami, mentafsir, dan menggunakan konsep *kepercayaan* harus diterokai dan difahami agar kesefahaman antara kaum serta perpaduan yang lebih erat dapat terjalin antara kaum. Satu cara untuk memahami konsep *kepercayaan* bagi suatu kumpulan etnik yang mengamalkan budaya tertentu ialah mengkaji bagaimana ahli kumpulan etnik berkenaan menggunakan dan menganalisis konsep ini secara *indigenous* dan dari aspek psikologi mereka.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka a) konsep kepercayaan mengikut konteks psikologi *indigenous*, b) bagaimana anak, ibu bapa, pasangan dan pekerja mempersepsikan konsep kepercayaan terhadap individu tertentu. Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang menggunakan pendekatan psikologi *indigenous*. Responden kajian ini terdiri daripada 719 orang pelajar dari sebuah institusi pengajian tinggi awam Malaysia dan 370 orang pekerja dari sektor awam dan swasta di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Daripada hasil kajian, asas pembentukan kepercayaan daripada satu pihak kepada pihak lain telah dikenalpasti. Begitu juga, kepentingan sesuatu aspek atau komponen kepercayaan juga telah dikenalpasti. Daripada kajian ini juga anak kepada ibu dan kepada bapa mengikut konteks *indigenous* telah dikenalpasti. Selain itu, kerangka teoritikal *kepercayaan* pelajar kepada pensyarah, individu kepada pasangan, dan pekerja kepada majikan atau ketua jabatan juga telah dikenalpasti. Dapatan ini boleh dijadikan dalam membentuk instrumen *kepercayaan* yang mendasari budaya, dan kumpulan responden yang berbeza. Ia juga boleh dijadikan rujukan bagi kajian bidang ini pada masa akan datang.

Kata Kunci: kepercayaan, psikologi *indigenous*, anak, ibu bapa, pasangan, pekerja